

### Graduan diseru Majukan Negara Dengan Aspirasi MBE



Tan Sri Lim menyerahkan ijazah kepada Zulkafli Yeop, ayah kepada Allahyarham Muhd. Rushdee yang telah meninggal dunia akibat kemalangan jalan raya pada 25 Ogos lalu.

**SERDANG, 10 Oktober** – Para graduan harus memajukan negara selaras dengan aspirasi Model Baharu Ekonomi (MBE) dengan menjadikan Malaysia sebuah negara yang berpendapatan tinggi.

Pro Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), Tan Sri Dato' Sri Lim Ah Lek berkata graduan perlu menampilkan pembaharuan dari segi budaya kerja dan sikap persekitaran termasuk meningkatkan produktiviti melalui inovasi dan kreativiti serta peka terhadap alam sekitar dan masyarakat.

“Pencapaian matlamat MBE boleh dicapai dengan mengukuhkan kualiti modal insan melalui tenaga mahir dan terlatih melalui pelbagai program akademik dan ko-kurikulum,” katanya ketika menyampaikan ijazah dan diploma pada hari kedua (sesi keempat) Majlis Konvokesyen ke-34 UPM di Dewan Besar, Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.



Naib Canselor UPM, Prof. Tan Sri Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah (kiri) menyerahkan gambar kenangan pada penerima Anugerah Profesor Emeritus, Tan Sri Datuk Dr. Haji Omar Abdul Rahman (kanan) pada sesi ketiga sebelah pagi.

Tan Sri Lim berkata konvokesyen pada kali ini mencatat sejarah kerana UPM muncul sebagai universiti yang mempunyai peratusan enrolmen pelajar pascasiswazah yang tertinggi iaitu 28 peratus.

Terdahulu pada sesi ketiga sebelah paginya menyaksikan Tuanku Canselor UPM, Sultan Sharafuddin Idris Shah mengurniakan ijazah dan diploma kepada 764 graduan sementara

sesi keempat pada sebelah petang seramai 765 graduan menerima ijazah dan diploma daripada Tan Sri lim.



Sultan Sharafuddin (kiri)  
mengurniakan penerima Anugerah Profesor Emeritus kepada Tan Sri Datuk Dr. Haji  
Omar Abdul Rahman (kanan).

Berita ini disediakan oleh Seksyen Media, Bahagian Komunikasi Korporat UPM.  
(Mohd Faisal Md Noor, 03-89466013, Fotografi Marina Ismail 03-89466199).